

AEON BiG taja 300 anak pokok kepada Orang Asli

AEON BiG taja 300 anak pokok kepada Orang Asli

GOMBAK - AEON BiG (M) Sdn Bhd menaja sebanyak 300 anak pokok daripada spesies buah dan pokok hutan untuk dimanfaatkan dari sudut ekonomi kepada masyarakat Orang Asli dalam Majlis Penanaman Pokok di Perkampungan Orang Asli Batu 12, di sini pada Rabu.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, pelaksanaan program itu bertepatan dengan salah satu rukun Malaysia Madani iaitu kemampunan, yang menyuarakan kesejahteraan dan keseimbangan dengan pengertian saling menghormati serta mengasihi sesama manusia dan alam sekitar termasuk haiwan dan tumbuhan.

"Kami di NRECC memberi sokongan kepada program AEON BiG dalam menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR), dengan masyarakat Orang Asli melalui penanaman pokok.

"Penglibatan Orang Asli ini amat penting kerana mereka boleh dikatakan



SHEIKH FAROUK

hidup secara harmoni bersama alam sekitar, menggunakan sumber semula jadi sebaik mungkin dengan impak yang minimum.

"Perkara itu yang kita perlu belajar daripada masyarakat Orang Asli selain mahu memastikan bukan hanya dapat mewarisi satu negara sebaliknya planet yang lebih baik untuk anak-anak," katanya pada sidang akhbar selepas pelancaran Majlis Penanaman

Pokok, di Dewan Serba Guna Jabatan Kebajikan Orang Asli (JakoA).

Tambah Nik Nazmi, selain pihaknya dan AEON BiG, majlis itu turut melibatkan JakoA di peringkat Selangor dan Wilayah Persekutuan.

"Kita juga adakan kerjasama dengan Jungle School Gombak, iaitu organisasi yang banyak membantu Orang Asli melalui perkongsian pengetahuan, budaya dan kepakaran.

"Selain itu, seramai 70 orang sukarelawan daripada AEON BiG yang menyertai program ini bagi menanam 300 pokok berkenaan, bagaimanapun separuh akan dihantar ke kawasan bandar manakala



Nik Nazmi (depan, tiga dari kanan) bersama Sheikh Farouk (depan dua dari kanan) dan sebahagian sukarelawan AEON BiG selepas majlis pelancaran penanaman pokok di Perkampungan Orang Asli Batu 12, Gombak pada Rabu.

separuh lagi di kawasan ini," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Urusan AEON BiG, Sheikh Farouk Sheikh Mohamed berkata, pihaknya sentiasa menyokong hasrat kerajaan dalam misi tanggungjawab sosial dan pemeliharaan alam sekitar.

Menurutnya, melalui program itu, AEON BiG juga dapat berkongsi manfaat

hasil bumi untuk masyarakat Orang Asli merangsang ekonomi negara dan meneruskan kehidupan harian mereka.

Dalam pada itu, AEON BiG turut menyumbang sebanyak 10 buah Bakul Rahmah, yang terdiri daripada barangan keperluan harian bernilai RM50 setiap satu kepada 10 keluarga Orang Asli yang terlibat.